

2.0 KOS KERJA-KERJA AM (GENERAL ITEMS)

2.1 TUJUAN DAN DEFINASI

Bahagian ini mengandungi maklumat berhubung dengan kos bagi melaksanakan kerja-kerja di bawah kategori 'Kerja-kerja Am' (General Items). Terdapat sesetengah dokumen yang menamakan bahagian ini sebagai 'Preliminaries', 'Kerja Awalan' ataupun 'Kerja-kerja Pendahuluan'.

2.2 BENTUK MAKLUMAT DAN PEMBAHAGIAN

Maklumat bagi bahagian ini diberikan dalam bentuk peratusan dan dibahagikan kepada dua bahagian seperti berikut:-

- (i) Mengikut kos keseluruhan

Maklumat bagi kos keseluruhan adalah berdasarkan kepada penganalisaan ke atas kos keseluruhan bagi Kerja-kerja Am (General Items).

- (ii) Mengikut butiran terperinci

2.3 CARA PENGIRAAN

Cara pengiraan peratusan bagi kos Kerja-kerja Am adalah seperti berikut:-

- (i) Peratusan keseluruhan

$$\frac{G.I}{T.S - (G.I. + P.S + P.C)} \times 100\%$$

- (ii) Peratusan bagi butiran terperinci

$$\frac{\text{Item in G.I.}}{T.S - (G.I + P.S + P.C)} \times 100\%$$

<i>Petunjuk:</i>	<i>i)</i>	<i>G.I</i>	=	<i>Kos Kerja Am (General Items)</i>
	<i>ii)</i>	<i>T.S</i>	=	<i>Harga Tender (Tendered Sum)</i>
	<i>iii)</i>	<i>P.S</i>	=	<i>Wang Peruntukan Sementara (Provisional Sum)</i>
	<i>iv)</i>	<i>P.C</i>	=	<i>Wang Kos Prima (Prime Cost Sum)</i>